

Sukum platform tingkat profesionalisme warga universiti

KOSMO
15/10/2018 13.09/2018
M/S : 57

PENGLIBATAN para pegawai dan atlet pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (Sukum) ke-43 merupakan penanda aras terpenting dalam menterjemahkan prinsip profesionalisme perkhidmatan sebagai penjawat awam.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, penggabungan fungsi pendidikan sekolah dan pendidikan tinggi sebagai Kementerian tunggal memerlukan semua pihak bergerak sebagai satu pasukan yang padu berlandaskan prinsip kesatuan pemikiran dan tindakan.

Menurutnya, semua warga universiti awam perlu mendukung profesionalisme perkhidmatan sebagai penjawat awam dan ahli akademik dalam pengoperasian yang semakin

mencabar ketika ini.

"Tentu, sekali menjadi misi setiap kontinjen memburu kejayaan dalam acara disertai dan ini memerlukan strategi tertentu berdasarkan semangat permuafakatan dan kesepakatan setiap ahli pasukan.

"Sempena Sukum ke-43 ini, saya berharap para atlet dari semua kontinjen dapat menghayati semangat kesukanan yang tinggi dalam persaingan memburu kejayaan," katanya dalam ucapan perasmian Sukum di **Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kuantan** kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian, Datuk Kamel Mohamad.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Dr.

Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Operasi Sukum ke-43, Abd Hamid Majid.

Sementara itu, seramai 2,600 atlet dari 21 kontinjen mewakili universiti awam seluruh negara telah berkampung bagi menjayakan Sukum ke-43.

Temasya sukan yang berlangsung di UMP itu merupakan acara tahunan bagi staf-staf universiti awam seluruh Malaysia yang mempertandingkan 17 acara sukan yang bermula kelmarin hingga 18 Ogos ini.

Maszlee turut meminta semua peserta mengambil peluang melalui kejohanan itu untuk berkongsi pandangan dan mencari ruang bagi menambah baik operasi pengurusan, kebijakan kakitangan dan daya saing antara mereka.



KAMEL (depan, tengah) dan Daing Nasir bersama para atlet yang menyertai Sukum di UMP, Kuantan kelmarin.